

Prosedur pemindahan hati bayi empat bulan.



Kejayaan bersejarah PPUM melaksanakan prosedur pemindahan hati terhadap bayi berusia empat bulan mendapat pujian Perdana Menteri.

(Foto ihsan PPUM)

Anwar ucap tahniah kejayaan PPUM

Pelaksanaan prosedur rumit buktikan tahap kepakaran, dedikasi tinggi warga kesihatan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim merakamkan ucapan tahniah kepada pasukan perubatan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) atas kejayaan bersejarah melaksanakan prosedur pemindahan hati terhadap bayi berusia empat bulan seberat 6.2 kilogram.

Menerusi ciapan di platform X semalam, Anwar berkata, keja-

yaan berkenaan mencerminkan tahap kepakaran, profesionalisme serta dedikasi tinggi warga kesihatan negara, khususnya dalam menangani prosedur perubatan yang amat kompleks dan berisiko tinggi.

"Tahniah kepada pasukan perubatan PPUM atas kejayaan bersejarah melaksanakan pemindahan hati kepada bayi berusia empat bulan seberat 6.2 kilogram," katanya.

Pada November lalu, PPUM berjaya melakukan pembedahan

pemindahan hati terhadap seorang bayi lelaki berusia empat bulan, sekali gus membuktikan Malaysia memiliki kepakaran bertaraf dunia.

Kepakaran PPUM

Menyebut, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad menerusi hantaran di Facebook, kelmarin berkata, bayi berkenaan menjalani prosedur pemindahan hati daripada ibunya pada 25 November lalu.

Beliau berkata, meskipun prosedur itu berisiko tinggi serta rumit berikutan pembuluh darah bayi yang sangat halus, namun dengan kepakaran pakar bedah, pakar bius dan jururawat di PPUM, prosedur pembedahan pemindahan hati itu berjaya dilaksanakan.